



AMALAN PENGAJARAN KREATIF GURU PENDIDIKAN ISLAM BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN

[CREATIVE TEACHING PRACTICES BY ISLAMIC EDUCATION TEACHERS FOR STUDENTS WITH LEARNING DISABILITIES]

SHUHAILA AB.JAWAS^{1*} & HAFIZHAH ZULKIFLI¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: Shuhaila.jawas@gmail.com

Received: 7 January 2022

Accepted: 11 January 2022

Published: 18 January 2022

Abstrak: Pengajaran kreatif merupakan suatu amalan pengajaran berunsurkan penerapan nilai kreativiti sesuai dengan perubahan pendidikan abad ke-21 yang meletakkan kreativiti sebagai salah satu elemen penting dalam pengajaran dan pemudahcaraan (Pdpc). Murid berkeperluan khas iaitu murid-murid yang berbeza kemampuan dan keupayaan turut tidak terkecuali untuk mendapatkan pendidikan sebagaimana murid di arus perdana. Oleh itu, perbezaan kemampuan yang dimiliki memerlukan usaha gigih para pendidik menerapkan elemen kreativiti bagi menghasilkan Pdpc yang berkesan. Amalan pengajaran kreatif guru Pendidikan Islam merupakan topik utama perbincangan bagi kertas konsep ini. Ia bertujuan untuk menghuraikan elemen kreatif dalam PdPc, amalan pengajaran kreatif dan isu guru pendidikan Islam dalam penerapan elemen kreatif. Kajian literatur yang berfokuskan kepada kajian-kajian dan pengamatan terhadap kajian lepas menjadi teras bagi kajian yang dijalankan. Melalui kertas konsep ini, peningkatan mutu kualiti guru Pendidikan Islam dapat dikembang dan dipertingkatkan dalam usaha menambah elemen kreativiti dalam PdPc bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran MBK (BP).

Kata kunci: Pengajaran Kreatif, Pdpc guru Pendidikan Islam, Murid Bermasalah Pembelajaran.

Abstract: Creative teaching is a teaching practice that is inculcation of creativity in line with the changing education of the 21st century which places creativity as one of the key elements of teaching and facilitation (Pdpc). Students with special needs which is students of different abilities, are also no exception to education as students in the mainstream. Therefore, the difference in capabilities requires the efforts of educators to apply the elements of creativity to produce an effective Pdpc. This idea paper expects to clarify the inventive components, innovative showing rehearses in PdPc and the issue of Islamic Education educators in the use of imaginative components. The study is a study focused on past studies and observations. The implications of these findings, it is hoped that they will improve the quality of Islamic education teachers and strive to add an element of creativity in the PdPc. In addition, it is hoped that this study will serve as a guide to all parties involved in education towards students with learning difficulties so that their capabilities can be improved to optimum level.

Keywords: Creative Teaching Practices, Islamic Education teacher, Learning-impaired pupils.

Cite This Article:

Shuhaila Ab.Jawas & Hafizhah Zulkifli. 2022. Amalan pengajaran kreatif guru Pendidikan Islam bagi murid berkeperluan khas masalah pembelajaran [Creative teaching practices by Islamic Education Teachers for students with learning disabilities]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(1), 1-9.

PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) adalah manifestasi terkini dan komprehensif peralihan kerajaan daripada pendidikan rendah kepada pengajian tinggi. Salah satu perubahan yang dibawa adalah untuk menyediakan akses yang sama kepada pendidikan berkualiti tinggi antarabangsa. Ini bagi memastikan tidak berlaku sebarang kecaciran bagi setiap murid di Malaysia untuk mendapat pendidikan bagi merealisasikan cita-cita dan potensi yang ada. Tidak terkecuali kerajaan juga turut meletakkan Pelan Tindakan OKU 2016-2022 bagi golongan istimewa sebagai salah satu langkah menjadikan mereka salah satu entiti penting dalam masyarakat. Penguatkuasaan Akta OKU 685 pada tahun 2008 telah memberi takrifan kepada istilah orang kurang upaya sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan keberkesanan mereka dalam masyarakat (Undang-undang Malaysia 2008). Sementara pendidikan bagi kanak-kanak OKU diletakkan di bawah pengurusan pelbagai kementerian termasuklah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian sumber Manusia (Mohd Zuri & Aznan, 2011).

Selaras dengan arus globalisasi dunia hari ini dan perkembangan pendidikan, kerajaan mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK 21) bermula 2014. Komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis, kreativiti, dan penerapan nilai dan etika merupakan empat elemen yang menjadi asas PAK21 menurut pasukan Pemikir Pendidikan Abad ke-21 melalui terbitan buku pada tahun 2017. Kemahiran abad ke-21 yang direncanakan oleh kerajaan akan terhasil apabila guru memainkan peranan sebagai penggerak utama dalam pelaksanaan sistem pendidikan. Dalam konteks Pendidikan Islam yang menekankan aspek pembangunan modal insan dan bermatlamatkan untuk melahirkan manusia yang baik, tunjang kepada segala matlamat ini terletak di bahu guru Pendidikan Islam (Ibn Khaldun, 1962). Berhadapan murid yang istimewa dan mempunyai kepelbagaian ketidakupayaan (*Multiple disorder*) memerlukan kepelbagaian teknik guru dalam usaha memberikan ilmu dan didikan. Inisiatif guru untuk menghasilkan pengajaran yang lebih kreatif bertepatan dengan dasar kerajaan dalam usaha membangunkan kreativiti dan inovasi. Kesimpulannya, amalan pengajaran kreatif merupakan salah satu solusi guru Pendidikan Islam untuk menarik minat dan merangsang pemikiran MBK BP. Konsep elemen kreatif, amalan pengajaran kreatif dalam PdPc dan isu pelaksanaan pengajaran kreatif di kalangan guru Pendidikan Islam menjadi perbincangan utama dalam kertas konsep ini. Objektif utama yang ingin dicapai ialah : Mengetahui konsep elemen kreatif. mengetahui amalan pengajaran kreatif, dalam pengajaran dan pembelajaran dan mengetahui isu pelaksanaan pengajaran kreatif guru Pendidikan Islam.

Guru Pendidikan Islam memikul tanggungjawab yang berat dan mencabar dalam mendepani MBK yang mempunyai kepelbagaian ketidakupayaan. Seiring dengan tugas menyampaikan ilmu kepada golongan ini, guru Pendidikan Islam juga perlu menggalas cabaran

untuk mendepani arus pendidikan yang bersifat global. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bilangan 2 yang dikeluarkan pada tahun 2015 berkenaan norma baharu GPI di sekolah rendah, telah menyatakan bahawa: “guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam, Bahasa Arab dan Program j-QAF di sekolah rendah terdiri daripada pelbagai jawatan guru seperti Guru Penolong Agama (GPA), Guru Pendidikan Islam Khas (GPIK), Guru j-QAF (GJQ), Guru j-QAF Khas (GJQK) dan Guru Tambahan Pendidikan Islam (GTPI)”.

Sistem penjawatan yang wujud ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi pelaksanaan pengajaran bagi subjek Pendidikan Islam di Pendidikan Khas. Safarina Ujang dan Norshidah Mohamad Salleh (2018) dalam kajiannya menyatakan, hanya segelintir guru Pendidikan Islam iaitu guru j-QAF Khas mempunyai Diploma Perguruan Pengkhususan Pendidikan Khas sementara guru Pendidikan Islam Khas hanya menghadiri kursus singkat sebelum diserap ke Pendidikan Khas. Tinjauan literatur daripada kajian lepas juga mendapati terdapat beberapa masalah dalam amalan kreatif guru pendidikan Islam MBK BP. Menurut Saniah Mohd Noor et al., (2014) dan Hamdi et al., (2017), kepelbagaian ketidakupayaan murid MBK yang berada di dalam satu kelas merupakan cabaran utama bagi guru Pendidikan Islam sewaktu PdPc dijalankan. Ini turut dibuktikan dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Yusof Dagang (2016) mendapati guru Pendidikan Islam memiliki tahap pemahaman dan pelaksanaan kreativiti yang sederhana di dalam bilik darjah. Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Nur Amalina Azhar dan Nurutthoilah Mohd Nabil & Ab Tamuri (2019) memberikan penegasan bahawa hal ini berlaku kerana guru Pendidikan Islam tidak diberi latihan yang secukupnya untuk mengendalikan MBK.

Selari dengan masalah ini, Norakyairee Mohd Raus dan Nurutthoilah Ahmad Nabil (2017) menyatakan bahawa antara masalah pengajaran al-Quran di kalangan guru Pendidikan Islam adalah disebabkan kekurangan bahan bantu mengajar dan tiada modul khusus yang sesuai mengikut kognitif MBK. Oleh itu, dilihat bahawa pentingnya bagi guru Pendidikan Islam memahami kepelbagaian kognitif MBK seterusnya menguasai kaedah pengajaran yang kreatif dan berkesan. Dalam kajian Azman Ab Rahman dan Syed Salim (2021), tidak semua guru mempunyai kepakaran khusus untuk mengajar dengan pelajar MBK khususnya dalam penggunaan teknologi maklumat. Kemahiran bidang teknikal dan pengalaman mengajar guru amat penting pada era hari ini, seiring dengan keperluan zaman dan peredaran zaman. Guru pendidikan Islam seharusnya mempunyai pengetahuan teknikal untuk menyesuaikan diri dengan keperluan keadaan semasa dan menghasilkan proses pengajaran yang berkualiti.

KONSEP ELEMEN KREATIF

Tingkah laku kreatif guru ialah tindakan melaksanakan dan menyatakan tingkah laku inovatif, termasuk membangunkan strategi untuk bertindak, mendengar dan menyesuaikan diri dengan idea, penilaian melalui refleksi serta menyesuaikan diri dengan inovasi sebagaimana gambaran (Messmann & Mulder, 2011). Selaras dengan pendapat yang dikemukakan oleh Craft, Bob dan Leibling, kreativiti merupakan satu hasil daripada aktiviti pengajaran yang dirancang tanpa memerlukan proses pengajaran yang rumit. Sebagai individu yang bertanggungjawab memenuhi hasrat negara untuk membangunkan warganegara yang berfikiran kreatif dan kritis,

guru hendaklah menguasai kemahiran berfikir secara kreatif. Amalan pengajaran kreatif merupakan titik tolak pembangunan insan dan penguasaan kognitif, emosi dan rohani-motor. Dalam usaha memahami elemen kreatif dalam pengajaran, empat kemahiran asas yang digariskan ialah kemahiran membuat persediaan, kemahiran memberi arahan, kemahiran memberi bimbingan dan kemahiran memberi rangsangan. Model Glaser yang diasaskan pada tahun 1962 menyarankan guru perlu menetapkan objektif pengajaran, mengenal pasti tingkah laku murid sebelum memulakan pengajaran dan membuat penilaian pada akhir pembelajaran. Model Glaser ini mengutamakan guru mengenal pasti tingkah laku murid untuk kaedah pengajaran yang berkesan. Sementara itu, Torrance (1970) melalui kajian yang dijalankan menegaskan perkembangan kreativiti berlaku melalui proses PdPc antara guru dan murid. Jelaslah di sini bahawa, konsep elemen kreatif merupakan satu galakan untuk perkembangan individu selain meningkatkan pencapaian tamadun bangsa.

AMALAN PENGAJARAN KREATIF

Kesediaan Guru

Aspek kandungan, pendekatan, kaedah dan aktiviti serta kekuatan bahan yang digunakan dalam PdPc adalah kunci kepada keberkesanan proses PdPc guru (Suhaimi, 2007). Persediaan mengajar dari sudut fizikal dan mental penting khususnya untuk mengajar MBK termasuklah penyediaan bahan pengajaran yang menjadi penentu keberhasilan sesuatu pengajaran (Khairul A. A. B., 2014). Dapatan ini turut disokong oleh Rosnani (2012) dan Suhaimie (2013), di mana kesediaan guru dari segi sikap, pengetahuan dan minat menggunakan kaedah yang disesuaikan dengan keperluan murid menjadi asas kepada PdPc yang berkesan. Selain ilmu dalam bidang pendidikan Islam, keutamaan harus diberikan kepada memahami perkembangan semasa pelajar dalam semua aspek, kognitif, jasmani, emosi, sosial dan sebagainya agar guru dapat membuat persediaan menentukan isi pengajaran yang sesuai dengan sukatan pembelajaran dan kebolehan kognitif murid masalah pembelajaran. Peningkatan kualiti proses pengajaran, tenaga dan masa yang digunakan dapat memupuk kecenderungan dan minat murid untuk belajar dan suka datang ke sekolah (Kamarul Azmi & Ab Halim, 2007) dengan cara pemilihan bahan yang kreatif dan bersesuaian. Justeru, tahap kesediaan seorang guru khususnya guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran adalah amat penting untuk menghasilkan pengajaran yang kreatif dan berkualiti.

Penguasaan Pedagogi

Cabaran dan kemahiran mengajar MBK berbanding murid normal adalah berlainan dan memerlukan penguasaan pedagogi guru. Kemampuan Guru Pendidikan Islam untuk melengkapkan diri dengan ilmu pedagogi yang baik seterusnya mengaplikasikan dalam sesi PdPc di dalam kelas amat diperlukan (Nurul Nadirah & Mohamad Yusof, 2018). PdPc yang dilaksanakan bagi murid MBK memerlukan guru Pendidikan Islam memahami pelbagai pendekatan bersesuaian dengan perkembangan, kebolehan, bakat, minat termasuklah latar belakang MBK. Syar Meeze Mohd Rashid (2017) dalam kajiannya menyebut bahawa guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran mengajar yang sesuai dengan tahap keupayaan

murid berdasarkan faktor kekurangan yang dimiliki. Oleh yang demikian, guru Pendidikan Islam bukan hanya perlu menguasai ilmu pedagogi bagi melaksanakan PdPc yang berjaya, bahkan perlu menitik beratkan ilmu berkaitan MBK dan memahami keperluan mereka agar PdPc yang terhasil bermakna dan berkesan.

Penguasaan Kurikulum

Dasar pendidikan di sesebuah negara dapat direalisasikan dengan jayanya berasaskan kurikulum yang dibangunkan menggunakan model-model tertentu. Dalam konteks pendidikan Islam al-Ghazali, akal, roh, jasad, akhlak dan tingkah laku adalah sebahagian daripada pendidikan sepanjang hayat (Abdul Salam, 2003). Justeru, matlamat utama dalam kurikulum Pendidikan Islam ini adalah untuk membentuk generasi yang beriman dan bertaqawa serta berketrampilan. Sementara itu, kurikulum bagi abad ke 21 pula adalah bersesuaian dengan kehendak peredaran zaman bagi memenuhi matlamat-matlamat yang telah ditetapkan. Menurut Hashim (2019), guru perlu lebih kreatif dan inovatif dalam penguasaan kurikulum PAK 21 disamping berdaya saing dalam pengajarannya. Penguasaan kurikulum termasuk penguasaan merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan bahan pengajaran (Ishak, Ghani & Siraj, 2017). Manakala bagi Siti Rubiyani (2020) kompetensi seseorang guru diukur berdasarkan penguasaan kurikulum. Guru Pendidikan Islam selain perlu menguasai kurikulum pendidikan Islam juga perlu menguasai pengetahuan tentang pendidikan khas dan murid masalah pembelajaran. Menurut Kajian Razhiyah (2005) kurikulum boleh diubah mengikut potensi dan kemampuan murid. Bagi meningkatkan potensi murid, penyesuaian kaedah berdasarkan pilihan yang dilakukan oleh guru adalah penting bagi mencapai objektif PdPc.

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Gamifikasi

Krisis global akibat penularan wabak COVID-19 memberi kesan kepada kerjaya guru yang dilihat semakin mencabar akibat perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan bukan sahaja akibat pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara bersemuka tertangguh, bahkan guru perlu mengadaptasi dengan suasana pengajaran dan pembelajaran gaya baharu (Berita Harian, 2020). Menurut Zainudin et al. (2011), proses menimba ilmu pengetahuan disamping membentuk sikap positif murid dapat dilakukan melalui kaedah mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi. Selari dengan itu, Kannamah Mottan (2019), menyatakan gamifikasi atau *kinaesthetic gamification* (KG) merupakan satu kaedah baru yang diadaptasi oleh guru bagi mengurangkan masalah tingkah laku kanak-kanak MBK yang hiperaktif untuk lebih memberi fokus dan bertenang. Selari dengan kajian ini, Almarshedi, Wanick, & Wills (2017) dalam kajiannya mendapati penggunaan gamifikasi bagi MBK mampu untuk mempengaruhi tingkah laku murid selain menggalakkan perubahan tingkah laku. Pengaplikasian gamifikasi oleh guru ternyata mampu menggalakkan tingkah laku MBK yang terarah dan terpandu. Oleh yang demikian, sewajarnya bagi guru Pendidikan Islam yang mengajar MBK untuk menambah pengetahuan dan kemahiran teknologi disamping meneroka dunia gamifikasi yang sentiasa berkembang mengikut keperluan semasa.

ISU PENERAPAN ELEMEN KREATIF GURU PENDIDIKAN ISLAM

Pedagogi Pengajaran

Berdepan dengan MBK dalam misi menyalurkan ilmu pengetahuan merupakan satu tugas yang tidak mudah dan memerlukan persediaan mental, fizikal dan emosi. Guru Pendidikan Islam dalam visi membentuk kemenjadian murid selaras hasrat murni kerajaan perlu mempunyai ilmu pedagogi yang luas dan mendalam. Tidak meletakkan aras pengajaran yang sama antara murid tipikal dan MBK merupakan kunci kejayaan pengajaran. Guru yang bijak adalah guru yang mampu menggunakan pelbagai pendekatan sesuai mengikut tahap murid (Augustine Ngali, 2019). Sebagai contoh, pengajaran al-Quran memerlukan guru boleh menggunakan pelbagai teknik dan kaedah untuk menjayakan proses PdPc, kerana MBK menghadapi pelbagai kecacatan seperti masalah pendengaran, penglihatan atau fizikal (Rabiatuladawiyah Saleh & Mohd Nizam Sahad, 2020). Justeru itu, amatlah penting seorang guru Pendidikan Islam menguasai pedagogi pengajaran disamping penerapan elemen kreatif untuk melahirkan minat murid dan mengembangkan potensi yang ada.

Kepakaran Guru

MBK merupakan murid yang memiliki kepelbagaian kecerdasan dan berbeza keupayaan antara setiap individu. Kepelbagaian kompetensi murid memerlukan kepakaran guru untuk menyampaikan isi pengajaran yang terarah dan berkesan. Kepakaran guru dalam pengurusan tingkah laku murid di aliran pendidikan khas masalah pembelajaran ini juga adalah sangat penting. Menurut Aznan (2010), perkembangan sosial kanak-kanak mempunyai kaitan dengan masalah tingkah laku. Menurut Samihah et al. (2018) pula, perkembangan psikologi dan emosi murid berkeperluan khas kebiasaannya akan mudah terganggu dan cenderung untuk bersikap tantrum lebih-lebih lagi murid autisma. Hal ini menyebabkan guru Pendidikan Islam terutamanya dalam usaha mendidik murid berkeperluan khas perlu berusaha untuk menggunakan kepakaran dan kepelbagaian kaedah bagi memberi impak yang positif. Haji Norakyairee Hj. Mohd Raus & Nurutthoilah Ahmad Nabil (2017) dalam kajiannya mendapati guru Pendidikan Islam hanya mengaplikasikan kemahiran berdasarkan kebolehan sendiri dan merujuk kepada guru berpengalaman tanpa menerima sebarang kursus secara formal. Hal ini untuk membolehkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran lebih efektif. Kepakaran guru menggunakan pelbagai kaedah yang kreatif dan mengaplikasikan modifikasi tingkah laku murid yang terbaik mampu menjana suasana pembelajaran yang menarik dan berkesan.

Penguasaan Ilmu Teknologi

Perkembangan teknologi yang pesat pada hari ini membawa kesan yang sangat signifikan bagi dunia pendidikan. Hal ini menggambarkan bahawa pendidikan abad ke 21 memerlukan penguasaan ilmu terhadap teknologi khususnya bagi para pendidik. Justeru, pendidik termasuklah guru Pendidikan Islam disarankan untuk menguasai ilmu teknologi bagi meningkatkan kebolehan MBK. Kajian menunjukkan terdapat pelbagai cara untuk

meningkatkan potensi MBK walaupun menghadapi kekangan keupayaan. Kajian oleh Azman & Syed Salim (2021) dalam kajian berkaitan cabaran guru pasca Covid 19 menunjukkan cabaran besar bagi guru Pendidikan Islam melaksanakan PdPc adalah atas faktor kekurangan pengalaman bagi menjalankan pembelajaran atas talian. Guru Pendidikan Islam kurang mendapat latihan kemahiran berkaitan penggunaan teknologi disamping kekurangan guru pakar dalam bidang ini menyebabkan cabaran bagi guru Pendidikan Islam termasuk guru Pendidikan Islam yang mengajar MBK. Azman Ab Rahman (2021) menjelaskan bahawa penggunaan platform dan media teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) digunakan sebagai alat perantara antara guru dan pelajar. Menurut penyelidikan yang dijalankan, aplikasi telegram dan permainan Kahoot mampu menarik minat pelajar sebagai tambahan kepada pelbagai teknik auditori dan kinestetik teknikal (kaedah VAK), auditori visual dan alat sokongan seperti Picture Exchange Communication System (PECS) ternyata merupakan pendekatan terbaik untuk era revolusi pada masa kini. Oleh sebab itu, adalah menjadi tanggungjawab guru Pendidikan Islam untuk menguasai kemahiran dan ilmu berkaitan teknologi sesuai dengan perubahan masa bertepatan dengan dasar pendidikan untuk semua.

Kekurangan Bahan Bantu Mengajar

Bahan Bantu Mengajar (BBM) merupakan komponen penting dalam proses PdPc. Banyak kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan BBM memberi kesan positif sekaligus berupaya mengoptimumkan pencapaian murid. Jasmi, Iias, tamuri dan Mohd Hamzah (2011) mendapati dengan penggunaan BBM ini, pelajar dapat meningkatkan fokus dan perhatian semasa PdPc dijalankan. Masalah kekurangan BBM dan tiadanya modul khusus yang boleh digunapakai oleh guru Pendidikan Islam menjadi cabaran bagi guru untuk mengajar subjek Pendidikan Islam khususnya pengajaran Al Quran (Norakyairee Mohd Raus & Nurutthoilah Ahmad Nabil, 2017). Guru-guru Pendidikan Islam Masalah Pembelajaran haruslah mencari pelbagai inisiatif dan pendekatan seterusnya bijak mencipta bahan bantu mengajar (BBM) bagi mengatasi cabaran kekurangan BBM dalam subjek Pendidikan Islam. Strategi, kaedah, dan teknik pengajaran tenaga pengajar perlu mengikut keadaan semasa yang berlangsung di dalam sesebuah kelas (Charles Mulingbau & Ying Leh Ting, 2020). Inisiatif guru dengan menguna pakai sumber yang ada dan dijadikan sebagai BBM bagi mencapai objektif pengajaran bagi murid-murid berkeperluan khas masalah pembelajaran sangat digalakkan dan membantu mencapai objektif PdPc.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Mendidik MBK dengan isu dan tingkah laku kognitif, akademik, sosial dan emosi memerlukan peranan yang aktif dan pengorbanan yang besar daripada guru khususnya guru pendidikan Islam yang mengajar MBK. Daya imaginasi yang tinggi, kebolehan membina hubungan baharu dengan yang lama serta penerokaan maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran perlu sentiasa ditingkatkan mengikut situasi semasa. Hal ini membawa kepada pengalaman bermakna bagi guru seterusnya membawa impak positif bagi murid khususnya MBK yang memerlukan kepelbagaian PdPc.

Tuntasnya, konsep elemen kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran adalah pemacu utama dalam melahirkan golongan OKU yang berdaya saing dan memberi sumbangan kepada negara. Amalan pengajaran kreatif melalui penggunaan teknologi dan gamifikasi boleh diterapkan yang berunsurkan elemen kreativiti. Tidak dinafikan, isu dan cabaran seperti penguasaan pedagogi, kepakaran, kemahiran menggunakan teknologi dan kekurangan bahan bantu mengajar yang menjadi kekangan utama dapat diatasi dengan adanya kesungguhan dan kerjasama semua pihak. Kesediaan guru Pendidikan Islam untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang serta peka dengan perubahan semasa merupakan kunci mendapatkan pengajaran berkualiti. Diharapkan dengan segala usaha yang dicurahkan oleh setiap individu, menjadikan golongan ini tidak terpinggir dalam apa jua aspek.

RUJUKAN

- Abdul Salam Yusoff. 2003. *Imam Al-Ghazali : Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications
- Almarshedi, A., Wanick, V., & Wills, G. B. 2017. Gamification and Behaviour. Dlm. *Gamification: More than just games! Using Game Elements in Serious Contexts*. t.tp.: Springer.
- Azman Ab Rahman, Syed Salim Syed Shamsudin, Nurul Nadia Nozlan, Muhammad Faiz Abd. Shakor & Afaf Sukari. 2021. Pandemik COVID-19: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Masalah Pembelajaran Di Malaysia. *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 5: 127-138.
- Charles Mulingbau & Ying Leh Ting. 2020. Peranan bahan bantu mengajar dan persekitaran maklum balas dalam meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar. *Conference: National Research Innovation Conference (NRICon 2020)*. Kuching.Sarawak, October 2020.
- Ibnu Khaldun. 2002. *Mukadimah Ibn Khaldun (Terj.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Bharu, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Messmann, G., & Mulder, R. H. 2011. Innovative work behaviour in vocational colleges: Understanding how and why innovations are developed. *Vocations and Learning* 4: 63–84.
- Mohd Yusoff Dagang. 2016. Amalan Kreativiti Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah-Sekolah Negeri Johor. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad. 2011. *Pengantar Pendidikan Khas*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Norakyairee Mohd Raus, Adzam Rasdi, Siti Rahmah Ahmad Razuan & Noornajihan Jaafar. 2017. Model Dan Kurikulum Pendidikan Al-Quran Holistik Bagi Oku. *Journal Of Quran Sunnah Education & Special Needs* 1(1): 15-30.
- Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Azam Rasdi, Norazman Alias, NorHasnira Ibrahim, Norullisza Khosim, Noornajihan Jaafar, Ab. Halim Tamuri, Norshidah Mohamed Salleh & Hajarul Bahti Zakaria. 2013. Pengajaran Al-Quran Braille: Isu Dan Cabaran Semasa. *International Journal on Quranic Research* 3(4): 79–94.

- Nurul Nadirah Binti Ramli & Mohamed Yusoff Bin Mohd Nor. 2018. *Pembelajaran Abad Ke-21*. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pasukan Pemikir Pendidikan Abad Ke-21. 2017. *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke-21*. Negeri Sembilan: Institut Aminuddin Baki.
- Rabiatul Adawiyah Salleh & Mohd Nizam Sahad. 2020. Sorotan Literatur Sistematis Isu dan Cabaran Pengajaran al-Quran Murid Berkeperluan Khas. *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences* 3(2): 199-211.
- Rosnani Jusoh. 2012. Effects of teachers' readiness in teaching and learning of entrepreneurship education in primary schools. *International Interdisciplinary Journal of Education* 1: 98-102.
- Safarina Ujang & Norshidah Mohamad Salleh. 2018. Pelaksanaan Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab, Fardu Ain (j-QAF) Dalam Program Pendidikan Khas Integritasi. *Jurnal Ortopedagogia* 4(1): 59-65.
- Salmihah Che Mud, Fariza Md Sham, Manisah Mohd Ali & Zuliza Mohd Kusrin. 2018. Kepentingan Pengajaran Al Quran Untuk Perkembangan. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Children with disabilities* 4: 24-31.
- Siti Rubiyani Bt Omar. 2020. *Faktor Mempengaruhi Amalan Pengajaran Berkesan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas Di Kelantan*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Suhaimi Hj. Muhamad. 2007. Tahap Kesiapan Guru Terhadap Pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Suhaimie Moridan. 2013. Kesiapan guru melaksanakan rancangan pendidikan individu dalam pendidikan Islam bagi pelajar pendidikan khas. Tesis Sarjana Pendidikan Kurikulum dan Pengajaran. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Syar Meeze Mohd Rashid. 2017. Kemahiran Asas Serta Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Kepada Golongan Istimewa. *Journal Of Quran Sunnah Education & Special Needs* 1(1): 1-12.
- Torrance, Ellis Paul. 1961. *Guiding Creative Talent*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Undang-undang Malaysia. 2008. Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685). t.tp.: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Zainudin A. Bakar, M. Safarin Nordin & Aide Hatib. 2012. Penguasaan Kemahiran ICT Dalam Kalangan Guru: Suatu Analisis Kritikal Kepustakaan. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.